

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK IR. YONG WUI CHUNG**

**TARIKH : 18 DISEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 79**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha Kementerian bagi mengurangkan beban pembelian tiket kapal terbang bagi pelajar dari Sabah dan Sarawak yang belajar di semenanjung khususnya di musim perayaan dan adakah Kementerian akan memulakan perbincangan bagi tujuan tersebut dalam masa terdekat.

**JAWAPAN:**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan negara untuk menawarkan perkhidmatan tambang pelajar atau “student fare” kepada para pelajar dari Sabah dan Sarawak yang belajar di Semenanjung dan sebaliknya, bagi tujuan mengurangkan beban terhadap keluarga mereka khususnya semasa musim perayaan.
2. Pihak Kementerian telah pun memulakan perbincangan dengan syarikat-syarikat penerbangan negara bagi tujuan tersebut. Dalam hubungan ini, AirAsia Berhad dan Malindo telah memaklumkan bahawa mereka akan meneliti dan mempertimbangkan cadangan ini.
3. Manakala, Malaysia Airlines Berhad (MAB) pula memaklumkan bahawa mereka telah pun memperkenalkan portal web MHexplorer pada Oktober tahun lalu yang mensasarkan para pelajar universiti berumur di antara 18 hingga 26 tahun untuk menggunakan perkhidmatan penerbangan MAB. Antara keistimewaan yang ditawarkan ialah pengurangan tambang penerbangan sehingga 20% daripada tambang penerbangan biasa. Di samping itu juga, MHexplorer turut menawarkan lain-lain keistimewaan seperti elaun bagasi tambahan sebanyak 10 kilogram, perubahan tarikh penerbangan percuma, mata ganjaran Enrich (Enrich Points) untuk program pelajar, diskaun khas untuk hotel terpilih dan tambang teksi melalui ejen-ejen yang dilantik oleh pihak MAB.
4. Di samping itu juga, mulai 31 Julai 2019 lalu, program MHexplorer telah diperluaskan lagi kepada para pelajar berusia antara 13 hingga 26 tahun, termasuk para guru dan ahli akademik yang berusia sehingga usia 60 tahun yang masih aktif bekerja di sekolah-sekolah dan institut pendidikan tinggi.

5. Selain itu, bagi tujuan mengatasi masalah kenaikan yang melampau harga tambang khususnya pada musim perayaan, YB Menteri Pengangkutan dalam mesyuarat dengan syarikat-syarikat penerbangan pada 4 September 2018 lalu telah memutuskan beberapa langkah untuk mengatasi masalah ini. Antaranya ialah dengan mendapatkan komitmen daripada syarikat-syarikat penerbangan negara untuk meningkatkan kapasiti penerbangan melebihi 20 peratus bagi tempoh 7 hari sebelum musim perayaan Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri, Hari Gawai dan Pesta Keamatan khususnya di laluan-laluan yang mempunyai permintaan yang tinggi termasuk beberapa laluan dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak.
6. Dalam hubungan ini, orang ramai disaran untuk membuat perancangan dengan membeli tiket penerbangan lebih awal bagi mendapatkan tawaran harga tiket yang lebih murah berbanding pembelian pada saat akhir.

Sekian, terima kasih.